




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

10 MEI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 39 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 371,003 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 74 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 363,611 orang. Manakala 176 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 175 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah lima (5) orang di ICU/repurposed kritikal care dan dua (2) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon di catatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 23 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah dua (2) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah jangkitan baharu di Negeri Sabah hari ini ialah 39 kes, satu (1) kes lebih tinggi daripada kelmarin.
- b. Walaupun jumlah keseluruhan tidak banyak berubah daripada sebelumnya, tetapi sembilan (9) daripada 10 daerah yang merekodkan peningkatan kes merupakan daerah yang merekodkan sifar (0) kes sebelumnya. Hari ini cuma sembilan (9) daerah yang tidak mencatatkan sebarang kes baharu sepanjang 24 jam yang lalu berbanding 16 daerah semalam.
- c. Kota Kinabalu mengekalkan catatan kes baharu dua (2) angka dengan 11 kes (-8). Sebanyak 17 daerah lain merekodkan kes satu (1) angka dengan 13 daripadanya mencatatkan satu (1) kes sahaja. Lahad Datu merekodkan pertambahan jangkitan baharu yang tertinggi dengan (+6) kes diikuti oleh Ranau dengan (+3) kes.
- d. Seramai 36 daripada 39 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, seorang (1) pesakit dalam Kategori 4, dua (2) pesakit dalam Kategori 5. Tidak ada pesakit dilaporkan dalam Kategori 3.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	3	7.69%
3	Bergejala	25	64.10%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	11	28.21%
JUMLAH		39	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 Mei 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 9/05/2022	Catatan Kes 10/05/2022	Perbandingan
1	Lahad Datu	0	6	+6
2	Ranau	2	5	+3
3	Tenom	0	1	+1
4	Nabawan	0	1	+1
5	Telupid	0	1	+1
6	Papar	0	1	+1
7	Tawau	0	1	+1
8	Putatan	0	1	+1
3	Kota Marudu	0	1	+1
10	Kudat	0	1	+1
11	Sipitang	1	1	Mendatar
12	Beaufort	1	1	Mendatar
13	Kunak	1	1	Mendatar
14	Tongod	0	0	Mendatar
15	Beluran	0	0	Mendatar
16	Kalabakan	0	0	Mendatar
17	Sandakan	0	0	Mendatar
18	Kuala Penyu	1	1	Mendatar
19	Kinabatangan	0	0	Mendatar
20	Pitas	0	0	Mendatar
21	Semporna	0	0	Mendatar
22	Kota Kinabalu	19	11	-8
23	Penampang	6	2	-4
24	Tuaran	3	2	-1
25	Tambunan	2	1	-1
26	Keningau	1	0	-1
27	Kota Belud	1	0	-1
JUMLAH		38	39	+1

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	9	0	1	11	122
Lahad Datu	0	1	2	0	3	6	14
Ranau	0	0	4	0	1	5	11
Penampang	0	0	2	0	0	2	44
Tuaran	0	0	2	0	0	2	21
Tawau	0	0	0	0	1	1	16
Papar	0	0	1	0	0	1	16
Beaufort	0	0	0	0	1	1	5
Putatan	0	0	1	0	0	1	16
Kota Marudu	0	1	0	0	0	1	5
Tenom	0	0	1	0	0	1	10
Kuala Penyu	0	0	1	0	0	1	5
Sipitang	0	0	1	0	0	1	8
Telupid	0	0	0	0	1	1	10
Kunak	0	0	0	0	1	1	5
Nabawan	0	0	0	0	1	1	3
Tambunan	0	0	1	0	0	1	15
Kudat	0	0	0	0	1	1	6
Sandakan	0	0	0	0	0	0	31
Keningau	0	0	0	0	0	0	7
Kota Belud	0	0	0	0	0	0	10
Pitas	0	0	0	0	0	0	2
Beluran	0	0	0	0	0	0	5
Tongod	0	0	0	0	0	0	1
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	3
Semporna	0	0	0	0	0	0	9
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	0	3	25	0	11	39	401

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,201 unit.

- Hospital 1,173 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.65%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 MEI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	39
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	39

ii.Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	30
Bukan Malaysia	9
Jumlah	39

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	1
Belum Menerima Vaksin (5-11)	2
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	4
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	12
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	19
Jumlah	39

iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1-4	1
5 -11	3
12-17	1
18-29	12
30-39	7
40-49	5
50-59	8
60-69	1
70-79	1
80-89	0
>90	0
Jumlah	39

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 9 Mei 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,720 orang. Daripada jumlah ini, seramai 370 orang adalah penduduk dewasa, 172 orang adalah penduduk remaja dan 2,178 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 9 Mei 2022 adalah seramai 2,589,479 orang. Ini meliputi 2,134,640 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.58% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,470,435 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,982 orang atau 77.01% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,526 orang atau 78.73% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 319,707 atau 75.01% orang setakat ini.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II